

07 SEP 2002

SINGAPURA KONGSI KEBIMBANGAN MAHATHIR MENGENAI ISU AIR

KUALA LUMPUR, Sept 7 (Bernama) -- Singapura berkongsi kebimbangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa perbincangan mengenai isu air tidak sepatutnya mengambil masa terlalu lama.

"Itulah sebabnya mengapa Singapura telah mengesyorkan pada perbincangan 2-3 Sept bahawa pegawai daripada kedua-dua pihak perlu berjumpa dan berbincng mengenai isu semakan harga dibawah persetujuan sedia ada sebagai sebahagian dari pakej," kata seorang jurucakap Kementerian Luar Singapura dalam satu kenyataan yang dihantar melalui faks di sini, hari ini.

Beliau mengulas komen Dr Mahathir mengenai isu air itu seperti yang dilaporkan oleh akhbar New Straits Times hari ini.

Akhbar berbahasa Inggeris itu menyebut Dr Mahathir sebagai berkata bahawa sepatutnya mesti ada had jangka masa bagi menyelesaikan pertikaian mengenai harga air yang dibekalkan kepada Singapura supaya kebuntuan itu tidak dibiarkan berpanjangan.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak menyebut tempoh masa yang Malaysia mahu isu itu diselesaikan, kata akhbar tersebut.

Jurucakap itu berkata Singapura memang sedia berbincang mengenai mengenai semakan harga dibawah pakej itu.

-- BERNAMA

AFY AFY ZB